

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Ahad, 14 Mac 2021 10:44 pg  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Graduan BIFB Terima 'INCEIF President's Scholarship'



**UUM Corporate Comm.**

**Universiti Utara Malaysia**

14 MAC 2021 / 30 REJAB 1442H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Rasyidah Hassan  
Gambar oleh: IBS

#### **GRADUAN BIFB TERIMA 'INCEIF PRESIDENT'S SCHOLARSHIP'**



**UUM ONLINE:** Graduan Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam, Nur Aqilah Nurazizi telah ditawarkan 'INCEIF President's Scholarship' bernilai RM25,200, seterusnya menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam Amalan Kewangan Islam di INCEIF Kuala Lumpur.

Graduan kelas pertama dari Pusat Pengajian Perniagaan Islam UUM itu dipilih oleh jawatankuasa penilai dari puluhan calon yang memohon dan beliau telah memulakan pengajian di INCEIF pada sesi kemasukan Januari 2021.

Nur Aqilah menzahirkan rasa syukur kerana dipilih dan berazam untuk menamatkan pengajian dalam tempoh 4 semester (18 bulan) pengajian.

Menurutnya, persaingan pembelajaran adalah amat kompetitif memandangkan INCEIF merupakan sebuah pusat pengajian tumpuan dunia dalam bidang kewangan Islam.


Katanya, pengalaman yang diperolehi semasa belajar di UUM mampu mempersiapkan dirinya dengan cabaran baru ini.

Nur Aqilah merupakan ahli Beta Gamma Sigma UUM Chapter dan merupakan seorang yang aktif dalam pelbagai program di peringkat antarabangsa. Antara persidangan dan program yang disertai ialah International Youth Empowerment Outreach Visit 2019 di Indonesia, 2nd Asia Pacific Youth Leadership Summit di Malaysia dan 7th Asian Cooperative Program, KUIS Global Studies di Jepun.

Di samping itu, Nur Aqilah juga terlibat dalam seni mempertahankan diri dan pernah menyertai Kejohanan Antarabangsa Sebelas Maret Cup X Karate-Do Championship di Indonesia serta memenangi beberapa kejohanan karate-do peringkat negeri.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.